

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 20 FEBRUARI 2013**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Satu Malaysia dan Salam Sedekad Gemilang, UniMAP di Hati

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao,  
Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

### **KATA-KATA ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

## **SEKSYEN BAHASA INGGERIS**

**Ladies and Gentlemen,**

2. Last week was an eventful week for UniMAP. We have signed an **MoU between UniMAP and Non Governmental Organization (NGO)** to strengthen our co-operation and status of UniMAP as Institution of Higher learning of choice for International Students.
3. From 13 – 15 February, the delegation from UniMAP had a **study tour** to several universities in Southern Thailand that is the Walailak University (WU), Taksin Sinawat University (TSU), and Royal Mangala University of Technology Sri Vijaya (RMUTSV).
4. These visits enable us to strengthen our **International Networking and Strategic Alliances between UniMAP and several universities in Southern Thailand**. Besides strengthening the networking that has been long in existence, this visit was also aimed to attract students from Thailand to further their studies at UniMAP.
5. On 17 February was another prestigious occasion where an **MoU was signed between UniMAP and Benovelant Fund for Outstanding Students (BFOS)** where BFOS have agreed to

sponsor 36 students from Yemen to continue their studies at UniMAP. These students will have to undergo the Intensive English Course (IEC) for 6 months before they are able to undergo their graduate study at UniMAP.

6. By the way, IEC was offered by UniMAP since 2009 and has gained popularity amongst students from Thailand, Uzbekistan, Somalia, Saudi Arabia, Burkina Faso and Nigeria. To date we have 107 students undergoing the IEC course at UniMAP and 36 students are from Yemen sponsored by BFOS.
7. I am rather delighted and emotional that the chairman of BFOS, Dr. Meshal Sheban announced that he was willing to sponsor students to UniMAP because of the good facilities and the teaching module offered to the students. InsyaAllah with the new accommodation provided at Uniciti at Sg. Chuchoh will enable us to attract more International students to continue their studies at UniMAP.
8. I would like to take this opportunity to congratulate and thank all staff on the co-operation rendered so far. Without your continuous support and co-operation we will not be able to attain the excellent achievements nationally and internationally. Thank You.

## **MAKLUMAN PROGRAM BAKAL BERLANGSUNG**

### **Malaysia Technology Expo (MTE) 2013**

9. Hari ini sebanyak 27 produk UniMAP dalam perjalanan ke PWTC bagi menyertai Malaysia Technology Expo atau MTE 2013. Walaupun jumlah penyertaan kita pada tahun ini berkurangan berbanding tahun lepas dimana kita telah menghantar 37 produk, saya percaya akan kualiti produk yang terpilih pada tahun ini adalah yang terbaik dari kalangan produk-produk yang lain.
10. Sedikit sorotan, iaitu pada tahun lepas, kita telah berjaya meraih 100 peratus pingat iaitu 5 emas, 14 perak dan 16 gangsa dan turut mendapat anugerah khas bagi tiga produk. Oleh itu, sudah semestinya kita mahu memperbaiki pencapaian kita dalam MTE 2013 ini. Saya berharap agar kita dapat meraih seratus peratus pingat bagi produk yang dihantar bertanding.
11. Cuma sasaran kepada pingat emas, kita meletakkan harapan agar pingat ini melebihi dari pencapaian kita pada MTE 2012 iaitu lima pingat emas. InsyaAllah. Bersama-sama lah kita berdoa agar para penyelidik kita dapat melakukan yang terbaik semasa penjurian pada hari esok sekaligus menyumbangkan pingat dalam MTE 2013.

12. Semoga pembuka tirai pameran penyelidikan MTE 2013 ini akan menyumbang kepada peningkatan pungutan pingat kita di tahun 2013. Saya yakin sekiranya kita berjaya meningkatkan pencapaian kita ini, insyaAllah ianya akan menjadi pembakar semangat buat penyelidik lain yang akan mengikuti pameran penyelidikan lain di masa akan datang. Doakan penyelidik UniMAP di MTE 2013 untuk melakukan yang terbaik pada pameran tersebut seterusnya membibitkan kata pujian buat UniMAP. Amin.

### **MAJLIS PERASMIAN PAMERAN POLISH PEACE MISSION**

13. Pada 2.45 petang ini bertempat di **Auditorium, Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra** akan diadakan Majlis Perasmian Pameran Polish Peace Mission yang berfokuskan kepada aktiviti keamanan tentera Poland di seluruh dunia. Raja Muda Perlis iaitu Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis iaitu Pro Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shareen Akashah telah berkenan bercemar duli berangkat hadir ke majlis tersebut.

14. Kita berharap dengan adanya pameran ini akan membantu mempereratkan lagi hubungan antara UniMAP dengan pihak Kedutaan Poland di Malaysia dan seterusnya dapat menyumbang kepada kerjasama dalam bidang akademik pada masa akan datang.

15. Oleh itu, kepada staf UniMAP yang terlibat, saya berharap agar dapat memberikan komitmen terbaik dalam merealisasikan program ini. Berikan layanan terbaik kepada tetamu kita agar mereka sentiasa terkenang akan ‘hospitality’ yang kita berikan kepada mereka nanti.

### **FORUM KEHARMONIAN ANTARA AGAMA – ‘UNITY IN DIVERSITY THROUGH RELIGION’**

16. Minggu depan merupakan minggu yang agak sibuk buat kita semua. Bermula pada hari Isnin iaitu 25 Februari 2013, jam 2.45 petang, di DK4, Kompleks Dewan Kuliah, Kampus Pauh Putra, satu forum iaitu FORUM KEHARMONIAN ANTARA AGAMA – ‘UNITY IN DIVERSITY THROUGH RELIGION’ akan diadakan selaras dengan hasrat DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bagi memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya warga UniMAP akan kepentingan menjaga keharmonian antara agama sesama kita.

17. Barisan panel pada hari tersebut adalah mereka yang arif mengenai hal agama masing-masing dan bakal dipengerusikan oleh Prof. Dr. Salleh Rashid. Mereka yang panel ialah,

- Mufti Perlis yang mewakili agama Islam
- Prof Madya Dr Bhuvanesh yang mewakili agama Hindu
- Dr Kenneth Sundaraj yang mewakili agama Kristian

- Dr Harbant Singh yang mewakili agama Sikh
18. Oleh itu, saya menyeru semua warga UniMAP untuk hadir pada hari tersebut agar dapat menghayati kepentingan menjaga keharmonian agama masyarakat pelbagai kaum di Malaysia sekaligus mengekalkan keamanan yang kita kecapi pada hari ini. InsyaAllah.

### **Program Gerak Usahawan (PGU) Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2013**

19. Kemudian, pada 1 hingga 3 Mac 2013, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UniMAP akan menganjurkan Program Gerak Usahawan (PGU) Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2013 yang merupakan program peringkat kebangsaan buat kali ketiga bertemakan "Menggerak Minda, Membakar Semangat" yang bakal berlangsung di Dataran Dato' Sheikh Ahmad Kangar Perlis.
20. Saya mendapat makluman dari Dr. Hezry Desa, pelbagai aktiviti akan dilaksanakan pada program tersebut antaranya Pameran, Forum Perdana Keusahawanan, Ceramah daripada Usahawan yang berjaya, Debat Keusahawanan dan Pertandingan Persembahan Kebudayaan dan juga Corporate Career Fair yang melibatkan sejumlah besar syarikat korporat di seluruh negara.

21. Mereka ini akan berkampung di UniMAP selama tiga hari dengan bermatlamat untuk meningkatkan minat dan kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar pengajian tinggi. Di samping menanam budaya keusahawanan di kalangan pelajar pengajian tinggi dan memupuk kerjaya usahawan sebagai kerjaya jangka panjang di kalangan pelajar dan graduan pengajian tinggi, selain member peluang kepada pelajar pengajian tinggi menjual serta mempamerkan hasil keusahawanan/penyelidikan pengajian tinggi.
22. Oleh itu, saya menyeru kepada semua warga UniMAP untuk turun padang bagi menunjukkan sokongan terhadap program ini. Penuhkan dataran Dato' Sheikh Ahmad dan ajak semua saudara mara serta sahabat handai untuk datang ke program tersebut kerana puluhan syarikat korporat negara turut memeriahkan dataran tersebut bagi membuka peluang pekerjaan kepada anak watan negeri Perlis.

### **Lawatan Perdana Menteri bagi upacara perasmian Kampus Tetap UniMAP**

23. Kemuncak program kita adalah pada 3 Mac 2013, iaitu kita akan menerima kunjungan YAB Perdana Menteri Malaysia iaitu Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak yang akan merasmikan Kampus Tetap UniMAP. Saya berharap semua warga UniMAP dapat melakukan persediaan rapi bagi menerima kunjungan YAB

Perdana Menteri nanti. Semoga majlis yang kita rencanakan ini mendapat keberkatan daripada Allah swt. InsyaAllah.

## **PENUTUP**

24. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin berkongsi sedikit maklumat kepada warga UniMAP agar dapat sama-sama kita memperbaiki diri menjadi penjawat awam yang lebih efisien. Kata kuncinya adalah ‘Menulis Tugasan, Merancang Masa’. Acapkali kita mendengar perkataan ‘sibuk’. Tetapi apabila ditanya sibuk dengan apa? Ada yang terpinga-pinga dan mula berfikir... tindakan ini kadangkala akan menimbulkan prasangka kepada si petanya sama ada kita benar-benar sibuk atau sengaja buat-buat sibuk.
25. Nasihat saya agar kita semua dapat mengamalkan DTA iaitu Duduk, Tulis dan Atur. Ianya ringkas tetapi jarang dipraktikkan oleh kita. Sistem ini akan membantu kita untuk merancang masa kita dengan sebaiknya. Dari senarai tersebut, kita akan dapat mengetahui sama ada kita benar-benar tidak mempunyai masa atau tidak tahu menggunakan masa.

26. Ambillah masa sepuluh hingga 15 minit tanpa gangguan, tenangkan diri dan fikirkan tugasan yang perlu disiapkan. InsyaAllah, tiada kerja yang akan tertinggal dan dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Malah kita masih mempunyai masa berkualiti untuk bersama rakan-rakan dan juga keluarga.
27. Rasanya cukup setakat ini, saya sudahi ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun:-

**Walau Badan, Gagah Perkasa,  
Perlu Kelembutan, Kata Ditutur,  
'Menulis Tugasan, Merancang Masa',  
Kerja Terlaksana, Lebih Teratur.**

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.